



**AMANAT ...** Sebahagian daripada pelajar baru dan lama yang menghadiri Majlis Amanat Dekan SPL di UMS Cawangan Sandakan pada Isnin.

## UMS Cawangan Sandakan terima 255 pelajar baru dan lama

UB 14/9/2011 AB

Oleh **NOORASVILLA MUHAMMA**  
noorasvilla@yahoo.com

**SANDAKAN:** Aspek pendidikan di Sandakan semakin berkembang apabila cawangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang dibangunkan di Hub Pendidikan di Jalan Sungai Batang, Batu 10 di sini mulai dibuka dan seramai 255 pelajar baru dan lama telah memulakan pengajian mereka pada Isnin.

UMS Cawangan Sandakan menempatkan Sekolah Pertanian Lestari (SPL) dengan menawarkan tiga kursus iaitu Sarjana Muda Sains Pertanian bagi Pengeluaran Tanaman, Hortikultur dan Landskap serta Pengeluaran Ternakan.

Daripada keseluruhan 255 pelajar, seramai 64 orang merupakan pelajar baru dan selebihnya adalah pelajar tahun dua, tiga dan empat. Sebelum ini, pelajar SPL mengikuti

pengajian di kampus induk UMS di Kota Kinabalu, bagaimanapun tidak mempunyai sekolah yang khusus.

Dekan sekolah tersebut, Profesor Madya Dr. Mahmud Sudin berkata, kampus seluas 244.64 ekar yang memfokuskan pengajian dan penyelidikan dalam bidang sains pertanian amat sesuai dengan geomorfologi Sabah yang kaya dengan kepelbagaian sumber pertanian.

“Penubuhan kampus ini yang mengkhususkan bidang pertanian banyak memberi manfaat kepada pelajarinya dimana kemudahan, peralatan pembelajaran dan penyelidikan sama ada di dalam mahupun luar kelas lebih lengkap berbanding semasa di kampus induk dahulu.

“Langkah ini juga selaras dengan matlamat SPL iaitu untuk melatih pelajar menjadi tenaga mahir bagi membantu meningkatkan hasil dan ekonomi

pertanian negara. Kita berharap dapat menghasilkan graduan yang berpengetahuan tinggi dalam bidang pengeluaran tanaman, ternakan, hortikultur dan landskap,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Amanat Dekan Sekolah Pertanian Lestari di Dewan Serbaguna sekolah itu di Jalan Sungai Batang, Batu 10 di sini.

UMS merupakan salah satu daripada pusat pendidikan yang dibangunkan di dalam Hub Pendidikan di Jalan Sungai Batang, Batu 10 di sini selain Maktab Rendah Sains Mara dan Politeknik.

Antara kemudahan disediakan di SPL termasuk pejabat petadbiran pusat dan ladang, ruang kuliah, makmal dan kemudahan sokongan ladang selain kolej kediaman pelajar dan bilik pegawai serta kuarters kakitangan.